



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Esterlina Moo Chin Len Lazarus. (2026). Teater muzikal Duzung: Adaptasi cerita rakyat dalam pelestarian warisan budaya dan kepercayaan etnik Rungus. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 228-246.
<https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.12>

TEATER MUZIKAL DUZUNG: ADAPTASI CERITA RAKYAT DALAM PELESTARIAN WARISAN BUDAYA DAN KEPERCAYAAN ETNIK RUNGUS

(The Musical Theatre of Duzung: A Folktale Adaptation for Preserving Rungus Cultural Heritage and Beliefs)

¹**Esterlina Moo Chin Len binti Lazarus**

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS),
Sabah

¹*Corresponding author: esterlina@ums.edu.my*

Received: 30/01/2026

Revised: 27/05/2026

Accepted: 27/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis usaha pelestarian warisan budaya dan kepercayaan etnik Rungus menerusi adaptasi cerita rakyat dalam teater muzikal *Duzung*. Cerita rakyat ini mengetengahkan identiti unik masyarakat Rungus, meliputi aspek kepercayaan tradisional, struktur sosial, serta warisan budaya seperti adat perkahwinan, tarian, muzik, busana, aksesori, dan rekaan pentas. Proses adaptasi tersebut mentransformasikan naratif tradisional kepada bentuk persembahan kontemporari yang didaktik, seterusnya berfungsi sebagai medium memperkukuh jati diri generasi muda Rungus. Kajian ini bertujuan menganalisis elemen budaya dan kepercayaan tradisi Rungus dalam persembahan berkenaan. Menggunakan pendekatan kualitatif, data diperoleh melalui kajian kepustakaan, pemerhatian lapangan, temu bual berfokus, dan analisis rakaman audiovisual. Hasil kajian menunjukkan bahawa pementasan *Duzung* bukan sahaja efektif dalam memelihara warisan Rungus, malah memupuk perpaduan nasional melalui kefahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya Malaysia. Ringkasnya, adaptasi cerita rakyat ke teater muzikal terbukti sebagai strategi pemeliharaan budaya yang dinamik dan relevan. Implikasinya, kejayaan *Duzung* berpotensi memacu pelancongan budaya serta menjadi model rujukan pemuliharaan warisan etnik minoriti di Malaysia.

Kata kunci: Teater Muzikal Duzung, pelestarian, budaya, cerita rakyat, Rungus

ABSTRACT

This study analyses the preservation of the cultural heritage and traditional beliefs of the Rungus ethnic community through the adaptation of folklore in the musical theatre Duzung. The folklore highlights the distinctive identity of the Rungus community, encompassing traditional beliefs, social structure, and cultural heritage, including marriage customs, dance, music, traditional costumes, accessories, and stage design. The adaptation transforms the traditional narrative into a contemporary theatrical performance with a didactic purpose, serving as a medium to strengthen the cultural identity of the younger Rungus generation. The study aims to analyse the cultural elements and traditional beliefs of the Rungus represented in the performance. Adopting a qualitative approach, data were collected through a literature review, field observation, focused interviews, and audiovisual recording analysis. The findings indicate that the Duzung performance is not only effective in preserving Rungus cultural heritage but also contributes to fostering national unity by promoting understanding and appreciation of Malaysia's cultural diversity. In conclusion, the adaptation of folklore into musical theatre has proven to be a dynamic and relevant strategy for cultural preservation. The success of Duzung also demonstrates its potential to promote cultural tourism and serve as a reference model for the preservation of minority ethnic heritage in Malaysia.

Keywords: Duzung Musical Theatre, preservation, culture, folklore, Rungus

PENGENALAN

Kepelbagaian etnik di Sabah melambangkan kekayaan dan keunikan warisan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun, sekali gus memainkan peranan penting dalam membentuk sosiobudaya serta identiti kolektif masyarakat tersebut. Antara komuniti pribumi yang kaya dengan khazanah budaya ialah etnik Rungus, iaitu kelompok masyarakat yang secara tradisinya mendiami kawasan utara Sabah, khususnya di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas (Appell, 1965; Porodong, 1997). Walau bagaimanapun, taburan petempatan etnik Rungus kini tidak lagi terbatas kepada wilayah asal mereka. Sebaliknya, komuniti ini telah berhijrah ke pelbagai kawasan di seluruh Malaysia, malah ke luar negara, didorong oleh faktor seperti peluang pekerjaan, penglibatan dalam sektor perniagaan, perkahwinan campur, serta pelbagai faktor lain.

Perkembangan arus pemodenan telah membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Rungus, yang secara beransur-ansur menyebabkan warisan budaya tradisional etnik tersebut semakin terhakis. Antara faktor utama yang mendorong perubahan ini ialah peralihan sistem kepercayaan masyarakat Rungus, khususnya selepas penerimaan agama Kristian. Perubahan tersebut telah memberikan kesan terhadap pembentukan semula struktur sosial, ekonomi dan budaya masyarakat Rungus. Menurut Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2021), kepercayaan tradisional berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang menjadi asas kukuh kepada pembentukan adat istiadat dan pantang larang dalam komuniti Rungus. Kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun ini memainkan peranan penting dalam

membentuk corak pemikiran dan tingkah laku masyarakat agar sentiasa berpegang teguh pada norma sosial yang diwariskan oleh nenek moyang. Pada masa yang sama, kepercayaan tersebut memperkukuh ikatan komuniti terhadap tradisi, sistem nilai, dan hubungan sosial yang telah sekian lama menjadi tunjang kepada budaya masyarakat Rungus. Walau bagaimanapun, kedatangan mubaligh Kristian ke Kudat sekitar tahun 1950-an merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada penghakisan warisan budaya serta amalan kepercayaan tradisional dalam kalangan etnik Rungus. Oleh itu, *Duzung* dijadikan fokus kajian kerana pementasannya memperlihatkan pelbagai elemen budaya dan tradisi masyarakat Rungus yang dapat dianalisis bagi memahami budaya dan kepercayaan mereka dalam konteks pelestarian.

Bagi etnik Rungus, cerita rakyat bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan ketika sesi penceritaan bersama anak-anak (Fatimah Hassan & Hamid Mohd. Isa, 2014; Low, K. O., 2003), malah menjadi mekanisme kawalan sosial yang menyampaikan pengajaran, panduan hidup serta memelihara warisan budaya dan kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang. Oleh itu, usaha melestarikan warisan budaya memerlukan pendekatan yang lebih inovatif dan berkesan bagi memastikan kesinambungan warisan budaya tersebut. Salah satu pendekatan yang berpotensi ialah pementasan teater muzikal, iaitu bentuk seni persembahan yang menggabungkan dialog, muzik, tarian dan elemen visual untuk menghasilkan pengalaman dramatik yang lebih menarik. Medium teater memberikan ruang kepada cerita rakyat untuk mengalami proses adaptasi dan reinterpretasi agar lebih dekat dengan pengalaman serta keperluan khalayak masa kini, tanpa menjejaskan nilai budaya, mesej moral dan identiti asalnya. Seperti yang dinyatakan oleh Derak R. et al., (2026), usaha memperkukuh pendidikan budaya serta melibatkan generasi muda secara aktif merupakan langkah penting bagi memastikan warisan tradisional tidak sekadar dianggap sebagai artifak sejarah, tetapi terus berfungsi dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, pementasan teater menjadi medium strategik yang menghubungkan elemen tradisional dengan bentuk persembahan yang lebih kreatif dan interaktif. Melalui pendekatan ini, cerita rakyat Rungus *Duzung* diadaptasi sebagai teater muzikal bagi memperkenalkan, memelihara dan memperkukuh pemahaman terhadap budaya serta sistem kepercayaan tradisional etnik Rungus.

Duzung pertama kali dipentaskan pada September 2024 sebagai salah satu usaha untuk melestarikan budaya dan kepercayaan etnik Rungus. Susulan sambutan positif daripada khalayak serta keberkesanan pementasan tersebut dalam mengetengahkan pelbagai elemen budaya masyarakat Rungus, *Duzung* dipentaskan semula pada November 2025 dengan penambahbaikan dari segi kandungan dan persembahan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan pementasan *Duzung* (2025) kerana pementasan tersebut menampilkan representasi elemen budaya etnik Rungus yang lebih menyeluruh dan bertepatan dengan objektif kajian. Perbincangan tertumpu kepada analisis budaya dan sistem kepercayaan tradisional etnik Rungus yang direpresentasikan dalam bentuk teater muzikal melalui adaptasi cerita rakyat ke dalam skrip *Duzung* (2025) karya Anang Moo. Pementasan teater muzikal ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah dan dipersembahkan pada 7 hingga 9 November 2025 di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Di Sabah, etnik Rungus tertumpu di Bahagian Kudat yang merangkumi daerah Kudat, Pitas dan Kota Marudu. Etnik ini merupakan salah satu suku kaum pribumi yang tergolong dalam rumpun Kadazan Dusun. Menurut Lasimbang (1996), masyarakat pribumi di Sabah secara umumnya diklasifikasikan kepada tiga kelompok utama berdasarkan rumpun bahasa, iaitu Dusunik, Paitanik dan Murutik. Dalam pengelasan tersebut, etnik Rungus dikategorikan dalam keluarga bahasa Dusunik yang merupakan sebahagian daripada kumpulan bahasa Austronesia Barat (Ethnologue, 2014). Sementara itu, Appell (1978)

menggunakan istilah *Dusunik isoglot* untuk merujuk kepada dialek bahasa Rungus. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Rungus menuturkan bahasa dalam rumpun Dusunik serta mengenal pasti identiti etnik dan bahasa mereka sebagai Rungus.

Kemasukan mubaligh Kristian dari Eropah ke kawasan penempatan etnik Rungus sekitar tahun 1950 telah menjadi pemangkin kepada perubahan dalam struktur kehidupan masyarakat, merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Di samping menyebarkan ajaran Kristian, para mubaligh turut menyumbang kepada perubahan sosioekonomi masyarakat Rungus melalui pengenalan tanaman getah dan kelapa, menggalakkan pemilikan geran tanah (Porodong, 1977), serta menyediakan kemudahan asas seperti klinik kesihatan dan sekolah, selain memperkenalkan kaedah pertanian moden (Clinson Mojijang & Maureen De Silva, 2020). Perkembangan ini bukan sahaja mempengaruhi corak kehidupan ekonomi masyarakat Rungus, malah menjadi pemangkin kepada transformasi sosial dalam komuniti tersebut. Menurut Forschner (2009), penyebaran agama Kristian menandakan titik permulaan kepada perkembangan sosial dalam masyarakat Rungus. Kehadiran mubaligh Kristian dan masyarakat Cina turut memberikan pengaruh yang ketara terhadap perubahan pemikiran dan peningkatan status sosial etnik Rungus, walaupun proses perubahan tersebut berlaku secara beransur-ansur. Justeru, perubahan pegangan agama kepada Kristian merupakan antara faktor yang menyumbang kepada penghakisan warisan budaya tradisional. Pada masa yang sama, kebergantungan generasi muda terhadap teknologi sebagai medium utama untuk berhibur, berkomunikasi dan mengakses maklumat semasa (Derak, R, et al., 2026; Katz et al., 2022) telah mengurangkan pendedahan mereka terhadap budaya warisan leluhur. Oleh itu, pementasan teater dapat dimanfaatkan sebagai medium untuk mengekspresikan nilai dan tradisi budaya, di samping memelihara serta mewariskan pelbagai bentuk kearifan tempatan etnik Rungus kepada generasi akan datang.

Asal usul dan salasilah keturunan etnik Rungus tidak mempunyai dokumentasi bertulis yang lengkap. Namun demikian, bukti daripada kajian genetik menunjukkan bahawa kelompok peribumi awal dalam keluarga Dusunik telah menetap di utara Borneo selama lebih daripada 20,000 tahun. Sementara itu, kajian linguistik mencadangkan bahawa bahasa Rungus telah berkembang sebagai satu bahasa yang berasingan sejak sekitar 6,000 tahun yang lalu. Masyarakat Rungus juga dicirikan oleh organisasi sosial yang bersifat egalitarian, tanpa kewujudan sistem kepimpinan turun-temurun mahupun stratifikasi sosial berdasarkan keturunan (Appell, 1978). Berdasarkan pandangan Appell (1978), sumber lisan merupakan rujukan utama dalam merungkai petunjuk berkaitan latar belakang etnik Rungus. Keadaan ini menyebabkan perbincangan mengenai asal usul mereka amat bergantung pada tradisi penceritaan lisan. Sebagai contoh, pelbagai legenda Kadazandusun menceritakan bahawa nenek moyang mereka berasal dari sebuah kawasan di pedalaman Sabah yang dikenali sebagai Nunuk Ragang. Nunuk Ragang dipercayai sebagai petempatan asal keramat bagi sebahagian besar rumpun Dusunik, termasuk masyarakat Kadazandusun (Topin, 1981; Low, 2005, 2006). Keturunan dan legenda pelbagai sub-etnik seperti Rungus, Kimaragang, Tobilung, Sonsogon, Labuk Dusun, Kadazandusun, dan Kuruyou turut mengaitkan asal usul nenek moyang mereka dengan Nunuk Ragang.

Perkembangan dakwah Kristian telah membawa perubahan yang ketara terhadap sistem kepercayaan etnik Rungus. Peralihan kepada agama Kristian menyebabkan sebahagian besar masyarakat Rungus tidak lagi mengamalkan upacara ritual yang diwarisi daripada leluhur kerana amalan tersebut dianggap bertentangan dengan ajaran Kristian serta tidak mendapat sokongan daripada institusi gereja (Porodong, 2004). Selain menganut agama Kristian, sebahagian masyarakat Rungus turut memeluk agama Islam. Menurut Joisin Romut, Denis J. Sading dan Flora Iban (2013), dianggarkan 65% etnik Rungus beragama Kristian, 30% beragama Islam, manakala kira-kira 5% daripada etnik Rungus masih mengamalkan kepercayaan Labus, iaitu sistem kepercayaan tradisional yang berasaskan animisme. Beberapa pengkaji terdahulu seperti Raymond Majumah (2015), Paul Porodong (2012), Rutter (2007), Miyamoto (2002) dan Appell (1965) menggunakan istilah *pagan* bagi merujuk kepada kelompok masyarakat yang mengamalkan kepercayaan

tersebut. Dalam konteks etnik Rungus, istilah *Labus* merujuk kepada mereka yang tidak menganut agama Kristian atau Islam serta masih mempertahankan amalan dan kepercayaan yang diwarisi daripada leluhur.

Sistem kepercayaan tradisional etnik Rungus berteraskan animisme yang merangkumi kepercayaan terhadap alam ghaib, kewujudan entiti spiritual seperti *rogon* dan *osundu*, serta penghormatan terhadap unsur-unsur alam yang dianggap keramat. Walau bagaimanapun, perubahan pegangan agama telah menyebabkan amalan animisme yang suatu ketika dahulu menjadi tunjang kehidupan masyarakat Rungus semakin berkurangan, sekali gus menyumbang kepada penghapusan sebahagian warisan budaya dan ritual tradisional. Dalam konteks ini, pementasan teater muzikal *Duzung* (2025) berperanan sebagai medium pelestarian budaya yang berkesan. Melalui adaptasi cerita rakyat yang dipersembahkan dalam bentuk fantasi, teater ini bukan sahaja memperkenalkan semula nilai, kepercayaan dan identiti budaya etnik Rungus kepada generasi muda, malah menawarkan pendekatan yang sensitif terhadap konteks masyarakat masa kini. Pendekatan tersebut membolehkan warisan budaya dipersembahkan sebagai khazanah sejarah dan identiti budaya tanpa menghidupkan semula amalan ritual, sekali gus mengelakkan isu sinkretisme atau percanggahan dengan pegangan agama semasa.

Walaupun bagaimanapun, transisi pegangan agama dalam kalangan etnik Rungus memberi kesan secara langsung terhadap amalan budaya yang berorientasikan kepercayaan tradisional. Rentetan itu, wacana dan perdebatan yang berterusan dalam institusi keagamaan telah menyingkirkan unsur-unsur sinkretisme daripada budaya serta perayaan masyarakat Rungus yang beragama Kristian di Sabah (Lazarus, E.MC.L., 2024:239). Meskipun unsur sinkretisme ini dapat dilihat dalam amalan agama lain seperti agama Islam di Nusantara (Mokhtar, R. A. M., & Saâ, C. Z., 2016; Suraya Sintang, 2003), fenomena tersebut tidak berkembang dalam masyarakat Rungus. Sebaliknya, amalan budaya dan kepercayaan tradisional mereka telah mengalami perubahan ketara seiring dengan peralihan pegangan agama (Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A., 2022:7, Lazarus, E. M. C. L., 2024). Fenomena ini dapat dilihat melalui transformasi perayaan tradisional etnik Rungus, iaitu Magahau, yang mengalami proses liminal, sekali gus menghasilkan bentuk baharu perayaan yang dikenali sebagai Pesta Magahau (Lazarus, E. M. C. L., 2024). Sinkretisme merujuk kepada penggabungan adat serta kepercayaan tradisi dengan ajaran agama. Memandangkan majoriti Rungus kini menganut agama Kristian, amalan yang mencampurkan kepercayaan leluhur dengan doktrin keagamaan tidak lagi diamalkan kerana dianggap bertentangan dengan ajaran agama. Oleh itu, pementasan teater, khususnya melalui pendekatan adaptasi cerita rakyat, menjadi medium alternatif yang berkesan untuk melestarikan warisan budaya Rungus. Melalui medium ini, unsur budaya, naratif leluhur dan nilai tradisional dapat diketengahkan sebagai representasi identiti masyarakat tanpa melibatkan pengamalan semula ritual yang bercanggah dengan pegangan agama semasa.

Etnik Rungus kaya dengan tradisi lisan yang merangkumi budaya lisan serta adat resam yang disampaikan secara turun-temurun, sekali gus membentuk identiti teras komuniti mereka (Azlan Shafie Abdullah, 2010; Dundes, 1980; Mohd. Taib Osman, 1991). Dalam konteks ini, Raymond Majumah (2015) menyenaraikan lima genre tradisi lisan yang diwarisi oleh etnik Rungus. Pertama, genre puisi (uogluhud) yang meliputi peribahasa (sambitan dan suriban), pantun (bahul), dan teka-teki (sundait). Kedua, genre prosa (totongonon) seperti cerita rakyat (tangon) dan cerita berunsurkan sejarah (unsuran). Ketiga, genre lafaz (roroiton) seperti mantera (rinait). Keempat, genre bisik-bisikan atau *buburungon* yang merangkumi *uhok*, *aji*, dan *apuw*. Genre terakhir ialah nyanyian (*lolongozon*) yang merangkumi *dihohoi*, *ondi*, *sovoli*, dan lagu kanak-kanak. *Duzung* tergolong dalam genre prosa tradisional Rungus yang dikenali sebagai *totongonon*, khususnya di bawah kategori *tangon* (cerita rakyat). Walau bagaimanapun, pementasan Teater Muzikal *Duzung* turut mengintegrasikan unsur mantera (uhok), pengucapan ritual (buburungon), dan nyanyian tradisional (lolongozon) bagi mengetengahkan elemen budaya serta sistem kepercayaan etnik Rungus dalam persembahan tersebut.

Pewarisan khazanah ini bertindak sebagai instrumen utama dalam proses pengenalan, iaitu bagaimana sesebuah masyarakat mewujudkan identiti individu, kumpulan, dan lokaliti (Brosius & Polit, 2020). Selain itu, sastera tradisional Rungus memanifestasikan peradaban dan naratif sejarah bangsa yang dizahirkan melalui cerita rakyat, meskipun kini telah mengalami fasa transformasi secara evolusi mahupun revolusi. Lazimnya, sastera ini disampaikan menerusi aktiviti bercerita yang dikenali sebagai *manangon*, *monuturan*, dan *mongusuran*. Secara khusus, *manangon* merujuk kepada penyampaian cerita rakyat yang berfungsi sebagai medium hiburan dan pendidikan nilai murni dalam kalangan penduduk kampung. Aktiviti ini kebiasaannya berlangsung pada waktu malam semasa waktu lapang, sama ada ketika ahli keluarga berkumpul mahupun sebagai corak penceritaan sebelum kanak-kanak tidur. Rangkuman cerita *manangon* meliputi cerita dongeng, haiwan, hantu, dan jenaka. Antara korpus cerita rakyat etnik Rungus termasuklah *Legenda Kurudong*, *Cerita Tonsung dan Goholu*, *Inuvang*, *Pirizok dan Purakok*, *Duzung*, *Buaya*, *Gundari* dan banyak lagi.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian berkaitan etnik Rungus telah berkembang dalam pelbagai skop, fokus dan pendekatan penyelidikan. Walau bagaimanapun, penelitian terdahulu masih memperlihatkan beberapa ruang yang memerlukan kajian lanjutan, khususnya berkaitan representasi budaya melalui medium seni persembahan. Secara umumnya, kajian-kajian terdahulu lebih memfokuskan dokumentasi dan analisis pelbagai aspek budaya etnik Rungus, termasuk kehidupan masyarakat, puisi, muzik, nyanyian serta sistem kepercayaan tradisional, seperti yang dibincangkan oleh Porodong (1977, 2001, 2012), Raymond Majumah (2010, 2015, 2018), Appell (1965) Parasin Bongkol (2011, 2013), dan Simeon, J. J. C. (2022). Selain itu, terdapat juga kajian yang memberikan perhatian terhadap aspek liminaliti dalam perayaan dan budaya etnik Rungus, struktur *pinapakan* dalam ritual Mamapak, perayaan tradisional Pesta Magahau, serta sistem pentadbiran masyarakat Rungus (Lazarus, E. M. C. L., 2021, 2023, 2024; Lazarus & Saearani, 2023; Lazarus & Rahman, 2021; Hamdan et al., 2023). Berdasarkan perspektif seni persembahan, beberapa cerita rakyat etnik di Sabah telah diadaptasi daripada tradisi lisan kepada bentuk teater muzikal sebagai satu pendekatan kreatif dalam merepresentasikan serta melestarikan warisan budaya kepada masyarakat kontemporari, antaranya *Teater Muzikal Huminodun: Myth and Its Magic* (2022), *Teater Muzikal Duzung: The Origin of Hampo Rungus* (2024), *Teater Muzikal Duzung* (2025), dan *Teater Muzikal The Last Tantas: Keeper of the Sacred Rinait* (2026).

Namun demikian, kajian ilmiah yang secara khusus meneliti representasi elemen budaya dalam cerita rakyat yang diadaptasi ke dalam pentas teater sebagai medium pelestarian budaya, khususnya dalam konteks masyarakat peribumi di Sabah, masih kurang diberikan perhatian. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan aspek dokumentasi, sistem kepercayaan dan amalan budaya, berbanding penelitian terhadap proses adaptasi cerita rakyat ke medium seni persembahan sebagai pendekatan pelestarian warisan budaya yang sesuai dengan konteks masyarakat masa kini. Pemilihan pentas teater muzikal sebagai medium untuk menganalisis budaya etnik Rungus didasarkan pada potensinya sebagai pendekatan pelestarian yang relevan dengan perubahan sosial dan budaya masyarakat kontemporari. Dalam usaha menarik minat generasi muda terhadap warisan budaya, pendekatan yang kreatif dan inovatif perlu diterapkan memandangkan golongan ini lebih cenderung kepada bentuk hiburan berasaskan seni Barat dan seni popular (Mohamed et al., 2018). Justeru, adaptasi cerita rakyat ke dalam bentuk teater muzikal berupaya mempersembahkan warisan budaya dalam bentuk yang lebih menarik, interaktif dan mudah dihayati tanpa menghilangkan nilai serta identiti asalnya. Sehubungan itu, kajian ini berusaha mengisi kelompongan tersebut dengan menjadikan pentas *Duzung* sebagai bahan analisis bagi meneliti representasi budaya, nilai tradisional dan sistem kepercayaan etnik Rungus melalui medium teater muzikal. Pendekatan ini bukan sahaja memperlihatkan potensi seni persembahan sebagai wahana pelestarian warisan budaya, malah menyumbang kepada pengembangan dokumentasi ilmiah mengenai adaptasi cerita rakyat dalam konteks teater muzikal di Sabah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggabungkan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan di Kampung Narandang Laut, Pitas, Sabah. Kajian yang melibatkan informan etnik Rungus ini dilaksanakan menerusi lima peringkat utama bagi menonjolkan aspek analisis budaya dalam pementasan Teater Muzikal Duzung. Peringkat pertama dimulakan dengan sorotan literatur. Menerusi fasa ini, pengkaji mengumpul pelbagai maklumat bertulis yang merangkumi latar belakang masyarakat, unsur budaya, sistem kepercayaan, serta sastera tradisi yang berkaitan dengan sosiobudaya etnik Rungus. Kajian ini dilaksanakan melalui penelitian terhadap bahan rujukan yang diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, serta pelbagai sumber dalam talian. Peringkat kedua, pengkaji menumpukan kepada pelaksanaan kerja lapangan yang bertempat di Kampung Narandang, Pitas, bertarikh antara Mac hingga Ogos 2023. Dalam tempoh tersebut, pengkaji mengumpul data primer secara langsung daripada komuniti tempatan menggunakan pelbagai teknik instrumen. Antara kaedah yang digunakan termasuklah temu bual mendalam, perbincangan kumpulan fokus, pemerhatian terus di lokasi kajian, pencatatan nota lapangan, serta pengumpulan bukti visual menerusi rakaman audiovisual dan gambar pegun. Peringkat ketiga pula melibatkan proses pengurusan dan analisis data awal melalui transkripsi serta penterjemahan. Memandangkan data mentah yang dikumpul berada dalam bahasa Rungus, data tersebut perlu ditranskripsi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Bagi memelihara keaslian maklumat dan menjamin kesahan data, seorang penterjemah daripada etnik Rungus telah dilantik untuk melakukan transkripsi data terjemahan. Pada peringkat keempat, pengkaji menjalankan analisis kandungan ke atas warisan budaya yang telah diproses untuk menterjemahkannya ke dalam bentuk naskhah skrip. Penulisan skrip ini bertindak sebagai medium dokumentasi kreatif yang bertujuan mengetengahkan semula khazanah warisan dan jati diri etnik Rungus agar dapat dilestarikan sebagai rujukan. Akhir sekali, peringkat kelima merupakan pementasan skrip *Duzung*. Pementasan ini diangkat sebagai sebuah bentuk inovasi persembahan yang bukan sahaja menghidupkan semula naskhah yang ditulis, malah berfungsi sebagai langkah praktikal dan dinamik dalam usaha melestarikan warisan budaya etnik Rungus.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Adaptasi Cerita Rakyat Sebagai Pemindahan Warisan Budaya dan Kepercayaan Rungus

Tangon Duzung atau kisah mengenai *Duzung* ialah sebuah mitos yang mencerminkan budaya dan kepercayaan tradisi etnik Rungus. Cerita ini menyampaikan dua mesej teras yang berkaitan dengan kehidupan etnik Rungus. Mesej pertama menyorot asal-usul keturunan gadis-gadis Rungus yang dipercayai mempunyai kaitan dengan puteri *duzung*. Bagi masyarakat Rungus, *duzung* bermaksud makhluk duyung, yang juga diistilahkan sebagai *sada tagavo* iaitu ikan besar. Mesej kedua pula berkisar tentang *Hampo* Rungus, iaitu kelengkapan busana dan barangan berharga bagi wanita Rungus. Oleh itu, *Tangon Duzung* sebenarnya merujuk kepada kronologi penciptaan aksesori tembaga warisan Rungus seperti *saring* (gelang tangan), *lungkaki* (gelang kaki), *ganggalung* (rantai leher), dan *orot* (tali pinggang)

Cerita *Duzung* bermula apabila seorang pemuda Rungus yang sedang berburu terpancang sekumpulan *duzung* sedang berseronok di tepi pantai. Pemuda itu jatuh cinta kepada salah seorang puteri *duzung*, lalu mencuri ekor dan menyembunyikannya. Akibat kehilangan ekornya, puteri *duzung* tersebut gagal kembali ke dasar laut, lalu dibawa pulang dan berkahwin dengan pemuda Rungus itu. Perkongsian hidup mereka kemudiannya dikurniakan dua orang cahaya mata. Walau bagaimanapun, setelah menyaksikan isteri dan

anak-anaknya sering berenang dengan riang di lautan, timbul kerisauan di hati pemuda tersebut bahawa isterinya akan kembali ke alam asalnya. Didorong oleh kerungsingan tersebut, pemuda Rungus itu mendapat petunjuk melalui mimpi untuk menghasilkan set perhiasan diri daripada logam tembaga sebagai hadiah buat isterinya. Himpunan perhiasan tersebut merangkumi *lungkaki* (gelang kaki), *orot* (tali pinggang), *saring* (gelang tangan), dan *ganggalung* (kalung leher). Sifat material logam yang berat sengaja direka untuk membataskan pergerakan di dalam air, sekali gus menghalang puteri *dutzung* daripada menyelam jauh ke dasar laut. Menariknya, puteri *dutzung* tersebut amat mengagumi dan menghargai keindahan perhiasan berkenaan, sehinggakan beliau akhirnya memilih untuk terus menetap di daratan bersama keluarganya berbanding kembali ke lautan.

Dalam konteks pementasan *Dutzung* (2025), adaptasi cerita rakyat Rungus ke bentuk teater muzikal memperlihatkan penerapan prinsip yang digariskan oleh Hutcheon (2006) dan Schechner (2003). Naratif asal yang sarat dengan unsur budaya dan kepercayaan tradisional Rungus telah dipindahkan ke medium pentas dengan menggabungkan dialog, muzik, tarian, serta simbolisme pentas, sekali gus mewujudkan pengalaman estetika baharu tanpa menafikan akar tradisi yang menjadi sumbernya. Proses ini memperlihatkan bagaimana tradisi lisan yang diwarisi secara turun-temurun diterjemahkan ke dalam bentuk teater muzikal yang lebih mudah diakses serta diapresiasi oleh khalayak kontemporari. Melalui pengolahan kreatif, cerita rakyat tersebut diadaptasi ke dalam struktur teks dramatik yang bersesuaian dengan ruang pementasan, sekali gus menjamin kesinambungan dan kelestarian warisan budaya berkenaan. Selaras dengan pandangan Schechner (2003), pementasan ini berfungsi sebagai *restoration of behavior* (pemulihan tingkah laku) yang menghidupkan semula ritual, nilai, dan norma sosial etnik Rungus melalui medium teater, seterusnya menghubungkan tradisi leluhur dengan audiens masa kini. Oleh itu, pementasan *Dutzung* bukan sekadar hiburan pentas, malah sebagai wahana inovasi budaya yang memperkukuh identiti kolektif masyarakat Rungus dalam mendepani arus globalisasi.

Teater Muzikal Dutzung Sebagai Representasi Warisan Budaya Dan Kepercayaan Rungus

Dalam konteks pembangunan moden dan globalisasi, usaha pelestarian warisan budaya tak ketara etnik peribumi di Sabah khususnya etnik Rungus mendepani cabaran yang getir. Kepupusan warisan serta kurangnya apresiasi dalam kalangan generasi muda menuntut satu alternatif transformatif, seperti teater muzikal, yang bertindak sebagai wahana berkesan untuk mendidik khalayak rentas generasi. Menyahut cabaran ini, teater muzikal *Dutzung* secara khusus mengangkat mitos asal-usul budaya dan kosmologi kepercayaan Rungus yang berkisar tentang kisah puteri *dutzung* serta penciptaan *hampo*. Pementasan ini kaya dengan integrasi unsur-unsur budaya seperti adat perkahwinan, perayaan *Magahau*, upacara ritual *Mamapak*, tarian *Mongigol-Sumundai*, tatarias busana, aksesori tradisional, reka bentuk set dan penampilan khas *bobolizan* Rungus. Dari segi penerimaan khalayak, naskhah ini meraih sambutan luar biasa dengan mencatatkan kehadiran seramai 1,000 penonton sepanjang tiga malam pementasan, berdasarkan rekod jualan tiket. Kejayaan ini membuktikan bahawa pengolahan naratif yang kreatif serta visualisasi pentas yang dramatik mampu memodenkan warisan tradisi tanpa menggugat keasliannya. Seterusnya, pendekatan inovatif ini berjaya memperluas jangkauan sekali gus memperkukuh apresiasi masyarakat terhadap kebudayaan Rungus.

Perkahwinan Tradisional Etnik Rungus

Adat perkahwinan etnik Rungus merupakan warisan turun-temurun yang kekal dipatuhi dan dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepercayaan mereka, perkahwinan yang memenuhi tuntutan adat dipercayai akan membawa restu serta kebahagiaan hidup. Selaras dengan itu, pementasan teater ini mengangkat keunikan tradisi perkahwinan Rungus silam, termasuklah pemakaian busana tradisi serta kemeriahan majlis yang diiringi tarian *Mongigol- Sumundai* dan muzik tradisional. Malah, suasana muafakat komuniti turut dizahirkan menerusi kehadiran orang kampung yang masing-masing segak mengenakan pakaian tradisi. Rujuk Rajah 1.

Rajah 1


Perkahwinan Tradisional Etnik Rungus dalam Teater Muzikal Duzung




Upacara perkahwinan tradisi etnik Rungus.



Pasangan pengantin bersama ahli keluarga dan komuniti kampung yang lengkap berpakaian tradisi Rungus.



Persembahan tarian *Mongigol Sumundai* diadakan sebagai simbolik bagi meraikan pasangan pengantin.



Sesi pementasan tersebut memperlihatkan pengantin diajak untuk menyertai tarian bersama-sama komuniti.

Sumber: Esterlina Lazarus (2025)

Tarian Mongigol-Sumundai

Keunikan tarian tradisi *Mongigol Sumundai* diangkat sebagai elemen penting dalam menggerakkan plot pementasan ini. Kemunculan pertamanya adalah untuk merayakan ikatan perkahwinan antara pemuda Rungus dengan puteri *Duzung*. Persembahan tersebut kemudiannya diulangi sewaktu kunjungan keluarga puteri *Duzung* dari alam lautan ke alam manusia, sekali gus menzahirkan tanda restu terhadap penyatuan dua dunia berkenaan. Rujuk Rajah 2.

Rajah 2

Tarian Mongigol-Sumundai dalam Teater Muzikal Duzung

	
Sewaktu istiadat perkahwinan berlangsung	Ketibaan rombongan keluarga Puteri Duzung ke dunia manusia
Sumber: Esterlina Lazarus (2025)	

Set dan Props

Meskipun mengambil latar belakang kehidupan masa silam etnik Rungus, pementasan ini menampilkan visualisasi yang lebih menarik melalui reka bentuk set dan prop yang digarap secara kreatif. Pendekatan ini dilakukan dengan mengintegrasikan elemen budaya penting seperti motif tradisional, simbolisme etnik, penggunaan bahan asli, serta struktur ruang budaya. Rujuk Rajah 3.

Rajah 3

Set dan Props dalam Teater Muzikal Duzung



Rumah tradisi Etnik Rungus



Struktur ruang budaya yang memaparkan pondok *Pinapakan*, iaitu platform khusus tempat *bobolizan* berdiri sepanjang upacara berlangsung.



Pementasan teater muzikal ini menggunakan beberapa objek pentas yang berfungsi sebagai simbol material, yang merepresentasikan budaya tradisional etnik Rungus. Props yang digunakan dalam pementasan ini ialah *saging*,



Props yang digunakan dalam pementasan ini ialah *barazit*.



Props yang digunakan dalam pementasan ini ialah *dangol* (parang



Props yang digunakan dalam pementasan ini ialah *rolibu* (nyiru).

Sumber: Esterlina Lazarus (2025)

Busana dan Aksesori

Pementasan ini turut mengangkat mesej kedua mengenai kisah *Duzung*, iaitu kepentingan *hampo* (aksesori tradisi) Rungus yang terdiri daripada *lungkaki* (gelang kaki), *orot* (tali pinggang tembaga), *saring* (gelang tangan), dan *ganggalung* (kalung leher). Kehadiran aksesori-aksesori ini berfungsi melengkapkan lagi keunikan busana tradisi etnik Rungus yang sedia ada. Dua variasi pakaian tradisi wanita Rungus, iaitu *banat-tapi* dan *sukolob*, telah ditampilkan dalam pementasan ini (rujuk Rajah di bawah). Rujuk Rajah 4.

Rajah 4

Busana dan Aksesori dalam Teater Muzikal Duzung

 Pandangan hadapan busana tradisi <i>banat tapi</i> wanita etnik Rungus.	 Pandangan sisi busana tradisi <i>banat tapi</i> wanita etnik Rungus.	 Pandangan belakang busana tradisi <i>banat tapi</i> wanita etnik Rungus.	 Pandangan hadapan busana tradisi <i>sukolob</i> wanita etnik Rungus.
 <i>ganggaling</i> (kalung leher)	 <i>lungkaki</i> (gelang kaki)	 <i>saring</i> (gelang tangan)	 <i>orot</i> (tali pinggang tembaga)
Sumber: Esterlina Lazarus (2025)			

Teater Muzikal Duzung Sebagai Representasi Kepercayaan Rungus

Penampilan khas *Bobolizan* Mongulozi binti Monginzun dalam pementasan teater Muzikal Duzung merupakan satu inisiatif penting untuk melestarikan warisan tradisi etnik Rungus. Pada masa kini, kebergantungan komuniti terhadap institusi *bobolizan* semakin berkurangan ekoran ketiadaan generasi pelapis yang ingin mewarisi kerjaya tersebut. Walau bagaimanapun, kelompok etnik Rungus *labus* yang masih berpegang kepada kepercayaan asal (pagan) didapati tetap bergantung kepada khidmat mereka. Berdasarkan temu bual bersama Mongulozi (3 Jun 2023), amalan *labus* kini hanya terbatas dalam kalangan generasi tua memandangkan golongan muda telah beralih kepada agama Kristian atau Islam. Istilah *labus* sebenarnya merujuk kepada kelompok etnik Rungus yang masih mempertahankan kepercayaan tradisi dan tidak menganut mana-mana agama. Secara tradisinya, *bobolizan* bertindak sebagai utusan yang

menghubungkan alam manusia dengan alam roh. Dalam kosmologi etnik Rungus, golongan ini diyakini berupaya merentas ke alam ghaib demi meramal masa depan atau merungkai kemelut yang melanda komuniti (Lazarus, E.M.C.L., 2023). Walau bagaimanapun, kemerosotan keperluan terhadap *bobolizan* pada hari ini amat dipengaruhi oleh perubahan status sosial, impak jangka panjang modenisasi, serta arus globalisasi. Asimilasi cara hidup moden dan peralihan agama menyebabkan generasi muda menganggap ritual lama tidak lagi relevan, sekali gus mengetepikan fungsi *bobolizan* dalam upacara komuniti mahupun perayaan kontemporari. Justeru, pementasan teater Muzikal *Duzung* yang menampilkan *bobolizan* sebenar ini menjadi langkah strategik untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa entiti budaya ini masih wujud. Dalam naskhah tersebut, peranan Mongulozi muncul ketika berlakunya konflik antara dunia manusia (etnik Rungus) dengan alam lautan (makhluk Duzung). Menerusi watak tersebut, beliau digambarkan melindungi etnik Rungus daripada ancaman semangat jahat dengan melafazkan mantra (*uhok*) melalui nyanyian (lolongozon) tradisi. Keberkesanan ritual tersebut akhirnya membolehkan *bobolizan* meredakan persengketaan dengan entiti ghaib dari alam lautan. Keberhasilan ini selari dengan peranan hakiki *bobolizan* sebagai pengantara dua dimensi, yang akhirnya berjaya membawa perdamaian antara dunia manusia dengan makhluk lautan. Rajah di bawah menunjukkan peranan *Bobolizan* Mongulozi dalam naskhah teater Muzikal *Duzung* (2025). Rujuk Rajah 5.

Rajah 5

Watak bobolizan dalam Teater Muzikal Duzung



Bobolizan Mongulozi binti Monginzun



Watak pembantu kepada *bobolizan* utama terdiri daripada *bobolizan* kedua dan *bobolizan* ketiga.



Bobolizan dilihat sedang melafazkan mantera perlindungan bagi memelihara keselamatan etnik Rungus sebelum mereka melangkah masuk ke alam lautan.



Sewaktu pertarungan antara manusia dengan makhluk lautan berlangsung, *bobolizan* tanpa henti melafazkan mantera demi memberikan perlindungan berterusan



Pementasan ini turut menyediakan sarikata (*subtitle*) bagi memudahkan pemahaman audiens, sekali gus membantu mereka menghayati bait-bait mantera (*uhok*) yang dinyanyikan oleh *bobolizan*.

Sumber: Esterlina Lazarus (2025)

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa adaptasi cerita rakyat Rungus dalam teater muzikal *Duzung* merupakan strategi yang efektif dalam usaha pelestarian warisan budaya dan kepercayaan etnik Rungus. Pementasan ini bukan sahaja mengekalkan elemen tradisional, tetapi turut menghubungkannya dengan khalayak kontemporari melalui medium seni persembahan yang bersifat mendidik dan menghibur. Pengintegrasian ritual, tarian, busana, serta aksesori tradisional dalam pementasan menjadikan karya ini lebih daripada

sekadar hiburan. Tetapi berfungsi sebagai bentuk dokumentasi hidup yang memperkenalkan, menghidupkan semula, dan memindahkan pengetahuan budaya kepada masyarakat moden. Kejayaan pementasan ini membuktikan bahawa seni persembahan kontemporari mampu bertindak sebagai wadah pemuliharaan warisan tidak ketara, sekali gus memperkukuh identiti budaya etnik Rungus. Pendekatan ini juga membuka ruang untuk diaplikasikan kepada etnik lain di Malaysia, agar warisan budaya mereka kekal relevan dalam arus globalisasi. Justeru, *Duzung* tidak hanya berperanan sebagai sebuah karya seni, tetapi turut mencerminkan projek intelektual dan budaya yang signifikan dalam usaha pemeliharaan warisan bangsa

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan mendapat pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundemantal, kod KPT FRGS/1/2025/WAS08/UMS/02/1 (Meneroka Naratif Sakral dalam Ritual Bambarazon Etnik Rungus Melalui Performatif untuk Kelestarian Kearifan Lokal).

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan sepenuhnya oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- Adib Safwan (2024, 7 Oktober). Pementasan Teater Muzikal Duzung: The Origin of Hampo Rungus mendapat sambutan hangat. Sabah News Online. [Pementasan Teater Muzikal Duzung: The Origin Of Hampo Rungus Mendapat Sambutan Hangat - Sabah News - Bebas Bersuara](#)
- Amferim, S. S., & Abdullah, N. A. V. (2017). Aspek moral dalam drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu karya Hatta Azad Khan (Moral aspects of muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu by Hatta Azad Khan). *Geografia*, 13(3).
- Amirul, A. A., & Rastam, F. (2024). Seni Teater Sebagai Kaedah Pemulihan Dan Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Penghuni Penjara: Seni Teater Sebagai Kaedah Pemulihan Dan Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Penghuni Penjara. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 14(2), 29-42.
- Appell, G. N. (1965). The Nature of Social Groupings Among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia. Dissertation submitted for the degree of Ph.D., The Australian National University
- Appell, G.N. (ed.). 1976. "The Rungus: Social Structure in a Cognatic Society and Its Ritual Symbolization." *The Societies of Borneo: Explorations in the Theory of Cognatic Social Structure*. Special Publication of the American Anthropological Association, Washington D.C.
- Azlan Shafie Abdullah. 2010. Keindahan Nyanyian Rakyat Rungus di Matunggong, Kudat, Sabah. (Master thesis). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Brosius, C., & Polit, K. M. (Eds.). (2020). *Ritual, heritage and identity: The politics of culture and performance in a globalised world*. Taylor & Francis
- Clinson Mojijang & Maureen De Silva. (2020). Peranan Prostetant Church di Sabah (PCS) dalam Perkembangan Sosial Masyarakat Rungus 1952-1993 di Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, Volume 5 (1), 89-104.
- Derak, R., Kassim, N., Mahali, S. N., Januin, J., & Abd, S. Antara Moden dan Tradisi: Persepsi Generasi Z Sama-Bajau terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara.
- Derak, R., Mahali, S. N. H., & Kassim, N. (2025). Pewajaran Ratu Serimpak Sebagai Simbol Budaya dan Tradisi Etnik Sama-Bajau: The Justification of the Ratu Serimpak as a Symbol of Culture and Tradition of the Sama-Bajau Ethnic. *Sains Insani*, 10(1), 108-118.
- Dundes, A. 1980. *Interpreting folklore*. Bloomington, IN: Indiana University Press.
- Editor02 (2024, 4 September). Teater Muzikal Duzung bakal dipentaskan 20 September ini. Sabah Media Online. [Teater muzikal Duzung bakal dipentaskan 20 September ini | Sabah Media](#)
- Editor03 (2024, 7 Oktober). Pementasan Teater Muzikal Duzung dapat sambutan ramai. Sabah Media Online. [Pementasan Teater Muzikal Duzung dapat sambutan ramai | Sabah Media](#)
- Ethnologue®. 2016. *Ethnologue: Languages of the World*. www.ethnologue.com
- Fatimah Hassan & Hamid Mohd. Isa. (2014). Mitos dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 10(5), 168-179.
- Forshner, T.A. (2009). *Usuran do Goriija Sompomogunan om Usuran do Goriija Protestan sid Sabah*, Kudat: Syarikat Percetakan TEP Kudat.
- Forshner, T.A. (2010). *Apat Nopod Toun-Oku sid PCS*, Filderstadt, Jerman: Syarikat Percetakan TEP Kudat.
- Hutcheon, L. (2006). *A theory of adaptation*. Routledge.
- Jegathisan Sivanesan (2025, 9 November). Musical Brings Rungus Mythodology to Life. Borneo Post Online. [Musical brings Rungus mythology to life | Borneo Post Online](#)
- Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban (ed). 2013. *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah: Etnik Momogun Rungus*. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

- Katz, R., Ogilvie, S., Shaw, J., & Woodhead, L. (2021). Gen Z, explained: The art of living in a digital age. In Gen Z, explained. University of Chicago Press.
- Lasimbang, J. (1996). The indigenous people of Sabah. In C. Nicholes & R. Singh (Eds.). *Indigenous People of Asia: Many People, One Struggle* (Pp. 177–196). Asia Indigenous People Pact.
- Lasimbang, Rita. (2002). "Exploring The Art of Bobohizan-Keeper of Kadazan Rituals and Chants", *Kertas Seminar Dibentang Di Borneo Research Council: 7th Biennial International Conference* (15-18 Julai 2002, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, hal. 2-3.
- Lazarus, E. M. C. L (2024). *Kerangka Liminaliti Ke Atas Pesta Magahau Di Dalam Masyarakat Etnik Rungus Di Sabah*. (Doctorate tesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lazarus, E. M. C. L., & bin Saearani, M. F. T. (2023). Konsep Dan Struktur Persembahan Dalam Ritual Mamapak Etnik Rungus Di Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 13(2).
- Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2021). Magahau dan hubungan dengan kepercayaan tradisi etnik Rungus di Sabah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 41-48.
- Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2022). Magahau Rungus: Dari Upacara Ritual Ke Pesta Keramaian Magahau Rungus: From Ritual Ceremonies To Pesta Keramaian. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 12(2).
- Low, K. O. (2003). Membaca masa silam Kadazandusun berasaskan mitos dan legenda (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Low K. O. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazan Dusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Low, K. O. 2006. Reading symbols and mythical landscape in the "Tambunan Dusun origin myth" of north Borneo. *International Journal of Asia Pacific Studies* 2(2): 29–50.
- Low, K. O & Azlan Shafie Abdullah. 2014. Bbahul and the Bbiruhui Beliefs of the Rungus People of Sabah. *Kemanusiaan*. 21 (1): 73-102.
- Majumah, A. S. @ R. (2018). *Pemikiran kudus dan sekular dalam bahul warisan etnik Rungus* (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah
- Matusky, P. (2002). The Significance of Preservation: To Save or Not to Save? *Tirai Panggung: Jurnal Seni Persembahan*, 5, 56.
- Miyamoto, M. 2002. Legal culture in Sabah: A case study of the Rungus in Pitas and the Lotud in Tuaran. In *Sabah Museum monograph vol. 7: Cultural adaptation in Borneo*. Sabah, Malaysia: Department of Sabah Museum, 31–58.
- Mohamed, K., Abd Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A. (2020). Analisa Perundangan Terhadap Perlindungan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 10-20.
- Mohamed, Rozmalina Izwanita, Lee, Yok Fee, Darshan Singh, Sarjit Singh, Fadzil, Mohd Fauzi. 2018. Cabaran dan usaha pengekalan identiti etnik bumiputera Siam. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 5(1): 389–397.
- Mohd Taib Osman, ed. 1991. *Penulisan sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar, R. A. M., & Saâ, C. Z. (2016). Sinkretisme dalam adat tradisi Masyarakat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 43, 69-90.
- Noor Zafira Zayn (2024, 3 September). Duzung Ketengah Budaya Masyarakat Rungus. *Daily Express Online*. [Duzung ketengah budaya masyarakat Rungus | Daily Express Malaysia - Sabah's Leading News Portal](https://www.dailyexpress.com.my/news/duzung-ketengah-budaya-masyarakat-rungus/)
- Pangayan, V. B. (2020). Tarian Mongigol-Sumundai Momogun Rungus Di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak: Mongogol-Sumundai Momogun Rungus Dance In Sabah: Concept Analysis Of Performance And Motion Movement. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10(2). <https://doi.org/10.51200/ga.v10i2.2840>

- Parasin Bongkol. 2011. Koubasan om Tinungkusan do Rungus. Kota Kinabalu: Kadazan Dusun Language Foundation (KLF).
- Parasin Bongkol. 2013. Adat om Koundango do Momogun Rungus. Kota Kinabalu: Gorija Prostestan sid Sabah (PCS).
- Porodong, P (1997). Kemiskinan Di Kalangan Kaum Rungus Di Daerah Kudat, Sabah. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Porodong, P. (2004). The impact of colonialism on the indigenous society in Sabah: A case study in Kudat district of Sabah. In M. Sarim & Mustajb (Eds.). Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat (pp. 77–1). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Porodong, P. (2012). Rungus. Dlm. K. Mariappan & P. Porodong (Eds.). Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah (pp. 110–128). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Raymond Majumah. 2015. Rungus Peribumi Momogun Sabah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rutter, O. 2007. The pagans of north Borneo. Sabah, Malaysia: Opus Publications.
- Schechner, R. (2003). Performance Theory. London: Routledge.
- Simeon, J. J. C. (2022). EXPLORING RUNGUS LONGOI DOT PONGIZAP (COUNTING SONGS) OF SABAH. Jurnal Gendang Alam (GA), 12(2).
- Sunday Grace Justimus (2025, 10 November). Memartabatkan Budaya Sabah Melalui Teater Duzung. Malaysia Aktif. [Memartabat Budaya Sabah Melalui Teater Duzung - Malaysiaaktif](#)
- Suraya Sintang. “Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah”, Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu 1, Institut Peradaban Melayu, Kuala Lumpur, 12-14 Ogos 2003.
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. Jurnal Melayu, 8(0).